

KENYATAAN TAWARAN BOLEH MENGURUSKAN SEWAAN RUANG PERNIAGAAN BAGI PENJUALAN MAKANAN & MINUMAN DAN MERCHANDISE DI CONCOURSE STADIUM NASIONAL, KUALA LUMPUR SPORTS CITY SEMASA ACARA PERLAWANAN BOLA SEPAK KELAYAKAN PIALA DUNIA 2023/PIASA ASIA 2027

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) mempelawa mana – mana syarikat yang boleh menguruskan sewaan ruang perniagaan bagi penjualan makanan & minuman dan merchandise yang berkompeten, berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)** di Concourse Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City semasa acara Perlawanan Bola Sepak Kelayakan Piala Dunia 2023/Piasa Asia 2027

BUTIRAN TAWARAN

Pelawaan Memasuki Tawaran Bagi Menguruskan Sewaan Ruang Perniagaan Bagi Penjualan Makanan & Minuman Dan Merchandise Concourse Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City Semasa Acara Perlawanan Bola Sepak Kelayakan Piala Dunia 2023/Piasa Asia 2027 pada 16 November 2023.

TUJUAN TAWARAN

- PSM berhasrat untuk membuka tawaran bagi syarikat menguruskan sewaan ruang perniagaan perkhidmatan (F&B) & yang selesa kepada pelanggan yang hadir.
- Menguruskan operasi perniagaan dengan baik dan teratur mengikut pelan perancangan semasa acara meliputi zon yang ditetapkan oleh PSM.
- Segala kos operasi, kebersihan dan keselamatan adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat.
- Syarikat perlu menyediakan surat permohonan rasmi berserta melengkapkan permohonan di lampiran A

SYARAT – SYARAT TAWARAN

- Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen berkaitan seperti dSijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 1965 (sekiranya ada).
- Syarikat perlu menyediakan surat permohonan rasmi berserta melengkapkan permohonan di lampiran A.

KEPERLUAN DOKUMEN

- Surat Permohonan Syarikat
- Salinan SSM dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)
- Profail Syarikat termasuk pengalaman setaraf

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI & EMEL KEPERLUAN DOKUMEN

- Emir Aniq Hazly Bin Shaharul Nizam (017-3701612)
emiraniq@stadium.gov.my
 - Iklan tawaran ini juga boleh dilihat di pautan www.stadium.gov.my
 - Tawaran ini hanya dibuka sebelum atau pada **10 November 2023 (Jumaat) jam 12:00 Tengahari**



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN MENGURUSKAN SEWAAN RUANG
PERNIAGAAN BAGI PENJUALAN MAKANAN & MINUMAN DAN MERCHANDISE DI
CONCOURSE STADIUM NASIONAL, KUALA LUMPUR SPORTS CITY SEMASA
ACARA PERLAWANAN BOLA SEPAK KELAYAKAN PIALA DUNIA 2026/PIALA ASIA
2027**

Tempoh penyewaan :

1 hari persiapan **(15/11/2023)**, 1 hari acara **(16/11/2023)** dan 1 hari pemunggaran **(17/11/2023)**

BIL	PERKARA	TANDAKAN (/) ATAU (X)
1	Surat Permohonan Syarikat	
2	Salinan SSM dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)	
3	Profail Syarikat termasuk pengalaman setaraf	

Tanggungjawab Syarikat

- a) Menjelaskan bayaran selewat-lewatnya 3 hari sebelum acara;
- b) Menyediakan 2 tapak bagi Kelab MyStadium di kawasan yang telah ditetapkan oleh PSM.
- c) Menguruskan operasi perniagaan dengan baik dan teratur mengikut plan perancangan semasa acara meliputi zon yang ditetapkan oleh PSM.
- d) Memastikan peniaga memasak di dalam foodtruck dan jika di luar wajib melapik tempat memasak tersebut bagi Level 3 Concourse Stadium Nasional.
- e) Kebersihan:
 - i. Perlu memastikan peniaga menitikberatkan kebersihan sepanjang masa;
 - ii. Perlu menyediakan pekerja kebersihan minimum dengan kiraan 1 petugas kebersihan untuk 2 tapak perniagaan bagi menampung kawasan diberikan dan mestilah mendapat pengesahan dari pihak Perbadanan.
 - iii. Perlu menyediakan kuantiti tong sampah dan tong roro yang mencukupi (minimum 3 dengan kapasiti 3 tan setiap satu) dan mendapat pengesahan dari pihak Perbadanan.
 - iv. Dilarang membuang sisa makanan dan minuman dalam tandas, kawasan tanaman dan longkang-longkang di sekitar Stadium Nasional.
 - v. Memastikan peniaga melapik genset dengan menggunakan *plywood* yang melebihi saiz genset.
 - vi. Kebersihan kawasan sekitar semasa dan selepas acara adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat sepenuhnya.
 - vii. Pihak Syarikat hendaklah memastikan persekitaran kawasan adalah bersih sebelum jam 7.00 malam, sehari selepas hari acara. Sekiranya gagal, pihak Perbadanan berhak untuk memotong kos pembersihan atau bayaran akan dituntut kepada syarikat sekiranya nilai pembersihan melebihi nilai deposit

sekuriti serta memotong deposit sekuriti sebagai denda sebanyak RM200 sehari sehingga selesai kerja-kerja pembersihan.

f) Keselamatan

- i. Perlu menyediakan anggota keselamatan yang mencukupi dengan minimum 10 orang pekerja dan mestilah mendapat pengesahan dari pihak Perbadanan.
- ii. Pihak syarikat bertanggungjawab sekiranya terdapat penaja haram yang berkeliaran di luar Zon yang dibenarkan. Sila pastikan semua penaja berada di Zon yang ditetapkan. Deposit sekuriti sebanyak RM1,000.00 sehari akan ditolak sekiranya perkara ini tidak dipatuhi oleh petender.
- iii. Syarikat perlu memastikan tiada sebarang kenderaan diletakkan di Zon yang dibenarkan tersebut.

g) Memastikan semua peniaga mematuhi dan mempunyai perkara-perkara berikut :

- i. Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM);
- ii. Lesen Penaja dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- iii. Lesen GDL (untuk pemanduan)
- iv. Sijil PUSPAKOM
- v. Geran Lori
- vi. Sijil Kursus Pengendalian Makanan.
- vii. Buku suntikan Typhoid.

h) Memastikan barang-barang/ makanan dijual adalah bukan barangan yang terlarang.

i) Sebarang kerosakan yang berlaku adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat sepenuhnya dan sekiranya berlaku, akan dipotong melalui deposit sekuriti bagi sebarang kos pembaikan tersebut atau bayaran akan dituntut kepada syarikat sekiranya nilai kerosakan melebihi nilai deposit sekuriti.

j) Genset hendaklah diletakkan di luar kawasan berbumbung dan berhampiran pagar perimeter Stadium Nasional.

k) Syarikat perlu memastikan setiap foodtruck menyediakan peralatan keselamatan seperti "*fire extinguisher*".

l) Syarikat mestilah sediakan sekuriti untuk memantau kenderaan masuk ke dalam stadium.

BIL	PERKARA	RM/ KOS
1.	Penjaja haram yang tidak terkawal di kawasan yang tidak dibenarkan.	RM1,000/sehari
2.	Sampah sarap	akan disahkan berdasarkan nilai yang ditanggung oleh PSM.
3.	Kerosakan	bergantung kepada jenis kerosakan.
4.	Meletak kenderaan di dalam zon	RM200/kenderaan

m) Pihak pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) berhak untuk MEMBATALKAN KONTRAK / MEMBUAT PEMOTONGAN

n) DEPOSIT BAYARAN syarikat yang berjaya di dalam sebut harga ini sekiranya berlaku perkara-perkara seperti berikut:

1. PENILAIAN DAN SETUJU TERIMA TAWARAN

1.1 Syarikat perlu memenuhi syarat-syarat tawaran seperti berikut

- a) Surat Permohonan Syarikat
- b) Salinan SSM dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)
- c) Profail Syarikat
- d) Pengalaman setaraf

1.2 Deposit sekuriti 50% daripada jumlah tawaran diperlukan selepas surat Setuju Terima Tawaran dikeluarkan,.

WANG JAMINAN

Penyewa perlu membayar deposit sebelum penyerahan tapak dilakukan.